



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : J.Pel.Pk(ICT)1227/15/1/16 Jld 25(25)
Tarikh : 30 Januari 2018

**Semua Pengetua / Guru Besar
Sekolah Menengah / Rendah negeri Perak Darul Ridzuan**

Tuan,

**SURAT SIARAN PERINGATAN : TATACARA MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL
JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan **Surat Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2016 – Garis Panduan Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kementerian Pendidikan Malaysia**, sebarang perolehan peralatan/inisiatif ICT sekolah mestilah mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu daripada jawatankuasa tertentu mengikut had nilai yang ditetapkan.
3. Penggunaan sumber peruntukan bantuan persekolahan untuk tujuan ini mestilah selaras dengan peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa. Pihak sekolah dinasihatkan merujuk **Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid bertarikh 20 Disember 2012 (berkuat kuasa 01 Januari 2013) dan Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah Edisi 2012** sebelum membuat perolehan.
4. Sekolah yang ingin membuat permohonan perolehan peralatan/inisiatif ICT diminta mengemukakan permohonan awal menggunakan borang JPICT-JPN dan dihantar keurus setia JPICT, Sektor Pengurusan Maklumat (ICT), Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk semakan serta diangkat pertimbangan kelulusan JPICT. Mesyuarat akan diadakan empat (4) kali setahun mengikut takwim yang dijadualkan oleh jabatan.

..12



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



Ruj. Kami : J.Pel.Pk(ICT)1227/15/1/16 Jld 25(25)

5. Sehubungan itu, pihak sekolah diminta mengambil perhatian mematuhi prosedur yang telah ditetapkan dan merujuk kepada panduan yang disediakan meliputi perkara-perkara berikut :

- i. Syarat-syarat Dalam Menimbang dan Melulus Perolehan ICT Agensi-agensi di Bawah Jabatan Pendidikan Negeri – **Lampiran 1**
- ii. Skop Perolehan ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal – **Lampiran 2**
- iii. Had Nilai Inisiatif ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JTICT, JPICT atau JKICT – **Lampiran 3**
- iv. Tatacara Perolehan Peralatan ICT Sekolah Harian – **Lampiran 4**
- v. Carta Alir Permohonan Kelulusan Teknikal – **Lampiran 5**
- vi. Takwim Mesyuarat JPICT-JPN – **Lampiran 6**
- vii. Borang JPICT-JPN – **Lampiran 7**
- viii. Borang PPKP – **Lampiran 8**
- ix. Borang Laporan Perolehan JPICT-JPN – **Lampiran 9**
- x. Senarai Peralatan Perolehan Ict Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JPICT KPM / JPICT JPN – **Lampiran 10**

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai bertanggungjawab **Puan Siti Balkis Binti Abdul Hamid** di talian **05-501 5202**. Pihak tuan juga boleh merujuk kepada panduan di laman sesawang jabatan (alamat URL <http://jpnperak.moe.gov.my>) di Menu Perkhidmatan → Inisiatif ICT → Permohonan Kelulusan Teknikal JPICT.

7. Kerjasama serta keperihatinan pihak tuan dalam hal ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, DPMP., AMP.)
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k : i) Semua Ketua Pegawai Pendidikan Daerah, negeri Perak